

Aspek-Aspek Keluarga dan Penglibatan Remaja Perempuan dalam Tingkah Laku Delinkuensi

Family Aspects and the Involvement of Female Teenagers in Delinquency Behaviour

Norruzeyati Che Mohd Nasir
Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Kolej Sastera dan Sains,
Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah
emel: zeyati@uum.edu.my

Abstract

Statistics reported that the involvement of female teenagers in delinquency behavior is increasing. The literature review shows one of the aspects that contribute to delinquency among female teenagers is the family environment such as family involvement in crime, family socioeconomic status, sexual or physical abuse, lack of relationship with parents and parental control weaknesses. Therefore, this article aimed to analyze what are the family factors that influence delinquency behavior of female teenagers. This study used qualitative methods in data collection and data analysis. Respondents were selected based on purposive sampling and received consent from them to be involved as a research subject. Data were collected through semi-structured interview in which the researcher provides a list of relevant questions in advanced. Data were analyzed using thematic analysis. The results showed that the low family socioeconomic status, experienced of abused physically and/or sexually by family members, and lack of relationship between respondents and their parents influence the involvement of respondent in delinquency. The findings of this study are particularly significant for helping profession such as counselors, social workers and psychologists in providing services to their clients.

Keywords female teenagers, delinquency, abused, socioeconomic status

Abstrak

Statistik melaporkan penglibatan remaja perempuan dalam tingkah laku delinkuensi semakin meningkat. Kajian literatur menunjukkan salah satu aspek yang menyumbang kepada delinkuensi dalam kalangan remaja perempuan ialah keadaan persekitaran keluarga seperti penglibatan keluarga dalam jenayah, status sosioekonomi keluarga, penderaan seksual atau fizikal, kurangnya hubungan kemesraan dengan ibu bapa dan kelemahan kawalan ibu bapa. Justeru itu, artikel ini bertujuan menganalisis apakah faktor keluarga yang menyumbang kepada penglibatan remaja perempuan dalam tingkahlaku delinkuensi. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dalam mengumpul data dan menganalisis data. Responden yang dipilih adalah berdasarkan persampelan bertujuan dan mendapat persetujuan daripada mereka untuk dilibatkan sebagai subjek kajian. Data dikumpulkan melalui temubual separa struktur iaitu pengkaji menyediakan senarai soalan yang berkaitan terlebih dahulu. Data seterusnya dianalisis menggunakan analisis tematik. Hasil kajian menunjukkan status sosioekonomi keluarga yang rendah, didera secara fizikal dan/atau seksual oleh ahli keluarga, dan hubungan yang kurang mesra antara responden dengan ibu bapa mendorong responden untuk terlibat dalam delinkuensi. Dapatan daripada kajian ini adalah signifikan terutamanya kepada profesion bantuan seperti kaunselor, pekerja sosial dan ahli psikologi dalam menyalurkan bantuan perkhidmatan terhadap klien iaitu remaja perempuan.

Kata kunci remaja perempuan, delinkuensi, penderaan, status sosioekonomi

PENGENALAN

Masalah delinkuensi atau jenayah yang melibatkan remaja bawah umur berlaku di seluruh dunia termasuklah di Malaysia. Masalah tersebut sentiasa berubah dari segi cara melakukannya, semakin tinggi darjah keseriusannya serta semakin meluasnya jenis serta teknik dalam melakukannya (Rokiah, 2000). Situasi ini menarik perhatian pelbagai pihak untuk mengkaji faktor penyebab dan mengenal pasti pola

delinkuensi. Walaupun kajian tentang delinkuensi telah banyak mendapat perhatian seperti kajian oleh Arena dan Hadariah (2002), Fuei Tien, Mazni dan Roslee (2002), Siegel dan Senna, (2000) dan Schmitz (2003) namun responden kajian secara eksklusifnya ialah remaja lelaki. Maka tidak hairanlah jika banyak teori delinkuensi yang ada merujuk kepada remaja lelaki. Menurut Einstadter dan Henry (1995), teori-teori jenayah seperti teori biologikal, psikologikal, ketidakaturan sosial, anomie, konflik, pelabelan dan teori-teori pembelajaran telah direka bentuk untuk menerangkan kriminaliti remaja lelaki dan telah diuji terhadap populasi mereka sahaja. Kajian dalam memahami penglibatan remaja perempuan dalam delinkuensi seterusnya menyumbang kepada pembentukan teori yang boleh menjelaskan kriminaliti golongan perempuan masih terbatas dan kurang mendapat perhatian (Chesney-Lind & Shelden, 1998; Kakar, 2006).

Sebelum tahun 1970-an, kajian terhadap remaja perempuan dan delinkuensi hampir tidak ada berdasarkan andaian bahawa jenayah ialah aktiviti golongan remaja lelaki (Fagan & Lindsey, 2014; Smith & Wincup, 2009). Menurut Fagan dan Lindsey (2014), kajian empirikal menunjukkan lelaki lebih cenderung untuk menjadi delinkuen berbanding perempuan dan kewujudan jurang antara gender ini masih kurang jelas. Justeru itu, delinkuensi dilihat sebagai fenomena lelaki. Jika ada remaja perempuan yang terlibat dalam delinkuensi, kesalahan yang dilakukan kurang serius berbanding lelaki atau dikaitkan sebagai kesalahan minor (Chesney-Lind & Shelden, 2014). Walaupun kesalahan yang dilakukan kurang serius, namun maklumat statistik yang dikeluarkan oleh Federal Bureau of Investigation menunjukkan tangkapan terhadap remaja perempuan meningkat berbanding remaja lelaki bagi tempoh 10 tahun (1991-2000) (Zahn et al., 2010).

Salah satu faktor yang menyumbang kepada tingkah laku ini dalam kalangan remaja perempuan ialah faktor keluarga. Aspek-aspek keluarga yang telah dikenalpasti ialah kurangnya perhatian ibu bapa, hubungan atau keterikatan ibu bapa dengan anak perempuan yang lemah, penderaan, konflik emosi, sejarah jenayah keluarga, kemiskinan, struktur keluarga dan status pendidikan ketua keluarga (Foy, Ritchie & Conway, 2012; Katz, 2000; Loeber & Farrington, 1998; Siegel & Senna, 2000). Justeru itu, keadaan ini mendorong pengkaji untuk meneliti aspek-aspek keluarga yang mempengaruhi penglibatan lapan remaja perempuan di Asrama Akhlak Perempuan Jitra (AAPJ), Kedah dalam delinkuensi.

SOROTAN LITERATUR

Menurut laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memang jelas menunjukkan delinkuensi ialah fenomena lelaki. Misalnya, laporan bagi tahun 2009 hingga tahun 2013 terdapat sebanyak 25,778 kes delinkuensi iaitu 23,950 kes melibatkan remaja lelaki dan hanya 1,828 kes melibatkan remaja perempuan (JKM, 2014). Kes ini merujuk kepada kes jenayah yang dilaporkan kepada pihak JKM sahaja. Secara dasarnya, remaja perempuan hanya mewakili lapan peratus kes jenayah daripada keseluruhan kes, namun golongan ini lebih banyak didapati bagi kes kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan, dan kes kanak-kanak tidak terkawal. Bagi tahun 2009 hingga 2013, sebanyak 904 kanak-kanak perempuan atau 94.9 peratus didapati memerlukan perlindungan dan pemulihan (JKM, 2014). Bagi kes kanak-kanak tidak terkawal pula, statistik dalam tempoh lima tahun (2009-2013) menunjukkan sebanyak 2,314 kes membabitkan remaja perempuan dan 1,143 kes melibatkan remaja lelaki (JKM, 2014).

Dalam tempoh empat tahun (2003 hingga 2006), JKM melaporkan hanya 2,148 kes delinkuensi melibatkan remaja perempuan. Bilangan kes telah meningkat kepada 5,046 bagi tempoh yang sama iaitu dari tahun 2009 hingga 2013. Peningkatan yang berlaku bagi kedua-dua tempoh tersebut ialah hampir 135 peratus. Selain laporan statistik yang dikeluarkan oleh pihak JKM, isu ini boleh juga diteliti daripada bilangan kes anak luar nikah yang didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Statistik bagi tahun 2008 hingga 2010 menunjukkan sebanyak 152,182 orang anak luar nikah atau anak tidak sah taraf telah didaftarkan di JPN (Utusan Malaysia, 16 November 2011). Majoriti anak tidak sah taraf adalah daripada ibunya berbangsa Melayu, beragama Islam dan masih remaja. Refleksi kepada bilangan kes anak luar nikah ini ialah penglibatan remaja perempuan dalam aktiviti hubungan seksual tanpa nikah.

Ekoran peningkatan kes remaja perempuan dalam delinkuensi, maka semakin banyak kajian terutamanya di luar negara telah dijalankan untuk mengenalpasti pola delinkuensi dan faktor risiko kepada tingkah laku tersebut seperti kajian oleh Zahn et al. (2010); Borduin dan Ronis (2012) dan Barrett, Ju, Katsiyannis dan Zhang (2015). Antara pola tingkah laku delinkuensi yang melibatkan remaja perempuan ialah aktiviti geng, lari dari rumah, mencuri, penyalahgunaan bahan, mengedar dadah, pelacuran dan

jenayah keganasan (Fleisher, 1998; Foy, Ritchie & Conway, 2012; Miller, 2001). Banyak kajian menunjukkan punca utama penglibatan remaja perempuan dalam delinkuensi melibatkan aspek-aspek keluarga seperti hubungan dengan keluarga yang lemah, konflik antara ahli keluarga, status sosioekonomi, dan pengalaman didera (De La Rue & Espelage, 2014; Foy, Ritchie & Conway, 2012; Goldstein & Heaven, 2000; Hoyt & Scherer, 1998; Katz, 2000; Loeber & Farrington, 1998; Siegel & Senna, 2000; Siegel & Williams, 2003; Wong, Slotboom & Bijleveld, 2010). Hirschi (1969) menyatakan hubungan yang tidak baik antara ibu bapa dan anak menjadi faktor utama remaja bertingkah laku delinkuensi.

Hirschi (1969) melalui teori ikatan sosial menekankan aspek sosialisasi dan kepentingan hubungan dengan ahli keluarga. Terdapat empat komponen yang mengikat individu kepada masyarakat seterusnya mengurangkan tingkah laku delinkuensi iaitu *attachment* (keterikatan), *commitment* (komitmen), *involvement* (penglibatan) dan *belief* (kepercayaan). Menurut beliau lagi, tingkah laku delinkuensi dapat disekat sekiranya wujud hubungan yang mesra antara ibu bapa dengan anak-anak. Hubungan tersebut dianggap mampu menghalang anak-anak daripada melanggar undang-undang atau norma-norma masyarakat. Hubungan yang akrab atau mesra juga dapat membentuk komitmen dan kepercayaan dalam diri seseorang anak bahawa sesuatu tingkah laku yang menyimpang akan memberi implikasi buruk kepada diri sendiri. Berdasarkan ulasan terhadap 30 kajian tentang faktor-faktor risiko kepada delinkuensi yang melibatkan remaja perempuan di Eropah, Wong, Slotboom dan Bijleveld (2010) mendapati faktor yang paling dominan ialah kurangnya sokongan ibu, hubungan ibu dan anak yang tidak mesra, dan gaya asuhan ibu.

Kriteria status sosio ekonomi keluarga yang mempengaruhi penglibatan remaja perempuan dalam delinkuensi antaranya keluarga miskin, keluarga tunggal iaitu ibu bapa bercerai dan keluarga tiri. Kajian Harper dan Robinson (1999) menunjukkan remaja daripada keluarga tunggal lebih terdedah dengan aktiviti gengsterisme berbanding remaja yang mempunyai ibu bapa yang masih kekal dalam perkahwinan. Hampir sebahagian (48.0 peratus) responden kajian mereka yang terlibat dalam gengsterisme datangnya daripada keluarga tunggal. Keadaan ekonomi keluarga yang miskin turut mendorong remaja perempuan terlibat dalam jenayah terutamanya bagi kes kecurian. Kajian terkini oleh Vanassche et al. (2013) menunjukkan remaja daripada keluarga tunggal dan keluarga tiri terdedah dengan tingkah laku delinkuensi dan pengambilan alkohol.

Menurut Rokiah (2000), pengaruh suasana dan keadaan lingkungan yang bersifat materialistik dan individualistik serta pengalaman berada dalam 'dunia kemiskinan', terutama di kawasan bandar memainkan peranan dan membuka ruang kepada tingkah laku delinkuensi. Chesney-Lind dan Shelden (2014) mendapati bagi kes mencuri di pasaraya boleh dikaitkan dengan ketidakupayaan memiliki barangan dan budaya pemasaran yang mensasarkan golongan perempuan. Mereka akan mencuri sekiranya tidak mempunyai wang untuk membeli barangan yang dikehendaki. Dorongan untuk mencuri amnya disebabkan memenuhi keinginan yang bersifat material, mencapai kepuasan diri dan untuk menyesuaikan diri dengan norma-norma sosial rakan sebaya (Regoli et al. 2008).

Banyak kajian mengaitkan tingkah laku delinkuensi remaja perempuan dengan pengalaman mereka bersama keluarga iaitu pengalaman didera secara fizikal dan/atau seksual. Misalnya Siegel dan Williams (2003) mengkaji hubungan antara penderaan seksual semasa zaman kanak-kanak dan penglibatan dalam jenayah apabila dewasa. Responden terdiri daripada 206 wanita yang mempunyai rekod dirawat di hospital pada tahun 1973 hingga 1975 akibat penderaan seksual. Sebanyak 205 wanita yang juga menerima rawatan di hospital yang sama dijadikan kumpulan perbandingan dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati responden yang didera secara seksual lebih banyak ditangkap dengan jenayah apabila dewasa. Antara kesalahan utama ialah penyalahgunaan dadah dan jenayah keganasan. Kajian oleh Chesney-Lind dan Shelden (1998) mendapati, 73 peratus pesalah perempuan pernah didera secara fizikal semasa remaja. Kajian Widom dan Maxfield (2001) menunjukkan 59 peratus kanak-kanak perempuan yang didera berkemungkinan ditangkap atas pelbagai kesalahan apabila dewasa. Menurut Paquette (2015) lebih daripada 80 peratus remaja perempuan yang terlibat dengan delinkuensi mempunyai pengalaman didera secara seksual dan/atau fizikal. Peters dan Peters (1998) mendapati hampir 90 peratus remaja perempuan yang ditahan pernah mengalami penderaan. Penderaan fizikal dan/atau seksual memberi kesan ke atas perkembangan remaja dan menyebabkan kurangnya harga diri, tidak mempercayai orang lain, kegagalan dalam akademik, masalah pemakanan, kehamilan dan sebagainya yang boleh menyumbang kepada tingkah laku delinkuensi.

Penglibatan dalam delinkuensi seperti mengambil dadah, terlibat dengan pelacuran dan jenayah keganasan merupakan manifestasi daripada tekanan yang dihadapi oleh remaja perempuan. Agnew (1991) dalam *General Strain Theory* menyatakan golongan perempuan menghadapi dan memberi respon kepada *strain* dengan cara yang berbeza dengan lelaki. Misalnya, remaja perempuan yang mengalami *strain* akibat daripada situasi yang mendera akan memberi respon sama ada dengan lari dari rumah, mengambil dadah atau memendamkan perasaan marah dalam bentuk emosi. Kajian oleh Piquero dan Sealock (2004) mendapati, tahap marah dan kemurungan remaja perempuan lebih tinggi namun sumber-sumber *coping* adalah rendah berbanding remaja lelaki. Apabila mereka berhadapan dengan situasi bermasalah, mereka tidak dapat menanganinya seterusnya mendedahkan mereka dengan delinkuensi.

De La Rue dan Espelage (2014) telah menjalankan kajian berkaitan faktor-faktor penglibatan remaja perempuan dalam gang. Kajian ini melibatkan responden yang menjadi ahli gang dan dipaksa menjadi ahli gang tetapi menolak untuk menyertainya. Pengkaji ingin membezakan situasi yang mendorong responden untuk terlibat dan tidak terlibat dalam gang. Kajian ini mendapati faktor-faktor risiko kepada penglibatan dalam gang ialah pengalaman didera secara seksual, konflik keluarga dan pemantauan ibu bapa yang rendah. Responden yang terlibat dengan gang juga dilaporkan sering lari dari rumah. Tindakan lari dari rumah merupakan alternatif untuk keluar daripada keadaan persekitaran rumah yang berkonflik dan ancaman penderaan samada fizikal, emosi atau seksual (Welsh et al., 1995). Apabila remaja berada di jalanan, mereka terdedah dengan tingkah laku yang lebih berbahaya seperti dadah atau dieksploitasi dalam aktiviti pelacuran atau menjadikan pelacuran sebagai strategi untuk kelangsungan hidup (Chesney-Lind & Shelden, 2014).

METOD KAJIAN

Artikel ini bertujuan mengenalpasti aspek-aspek keluarga dan penglibatan remaja perempuan dalam delinkuensi. Objektif khusus kajian ini ialah;

- i. mengkaji ciri-ciri sosio demografi dan ekonomi remaja perempuan yang terlibat dalam kegiatan delinkuensi,
- ii. mengenalpasti jenis dan pola delinkuensi,
- iii. mengenalpasti aspek-aspek keluarga yang signifikan dengan penglibatan remaja perempuan dalam delinkuensi.

Responden kajian terdiri daripada lapan responden yang berada di pusat pemulihan, Asrama Akhlak Perempuan Jitra (AAPJ), Kedah. Institusi ini menempatkan remaja perempuan yang terlibat dengan delinkuensi, dan bilangan penghuni yang paling ramai pada masa kajian ini dijalankan. Kebanyakan daripada penghuni dikenakan tahanan kali pertama di bawah Perintah Cubaan Akhlak. Pemilihan responden kajian adalah menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Melalui kaedah ini, pengkaji memilih responden berdasarkan kesediaan responden memberi maklumat tentang pengalaman mereka terlibat dalam delinkuensi dan pengalaman kehidupan mereka bersama keluarga. Pengkaji mendapatkan maklumat responden daripada staf AAPJ sebelum memilih responden. Hasil perbincangan dengan staf, sejumlah 12 responden telah dipilih untuk dilibatkan dalam kajian. Namun, selepas menerangkan tentang objektif kajian, hanya lapan responden yang bersetuju menjadi responden kajian.

Teknik pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah teknik temubual separa berstruktur. Teknik temubual separa struktur merujuk kepada pengkaji menyediakan senarai soalan yang akan ditanya kepada responden. Soalan lain mungkin timbul semasa sesi temubual bergantung kepada maklumat yang diberikan oleh responden. Kelebihan temubual separa berstruktur ialah menyediakan set arahan yang jelas kepada pengkaji dan menjadikan data kualitatif lebih *reliable* (Cohen & Crabtree, 2006). Data yang diperoleh melalui teknik ini dipercayai mampu menonjolkan perkara yang tersimpan dalam fikiran responden. Ia juga amat berkesan untuk meninjau persepsi seseorang, termasuk pemikiran, sikap, nilai dan pendapat. Temubual dilakukan berpandukan objektif kajian yang merangkumi ciri-ciri sosio demografi dan ekonomi responden dan keluarga, jenis-jenis delinkuensi yang dilakukan oleh responden, dan pengalaman bersama keluarga. Sesi temubual berlangsung selama 45 minit hingga satu jam. Setiap responden menyertai dua hingga tiga sesi temubual bergantung kepada sejauhmana maklumat yang diberi itu adalah jelas dan memenuhi objektif kajian.

Data yang diperoleh daripada kajian lapangan ialah data mentah yang tidak memberi sebarang maklumat kecuai data tersebut dianalisis dengan menggunakan kaedah tertentu. Pengkaji menggunakan

analisis tematik dalam menganalisis data. Tema yang ingin dikaji status sosio-ekonomi keluarga, pengalaman didera, dan hubungan responden dengan ahli keluarga. Data dalam kajian ini diasingkan dan dikelompokkannya mengikut persamaan dan perbezaan maksud. Hanya satu tema yang akan dianalisis dalam satu-satu masa agar seluruh perhatian dapat ditumpukan kepadanya tanpa dipengaruhi oleh maklumat yang tidak berkaitan. Hal ini penting untuk mengelakkan pengkaji membuat rumusan awal tentang aspek yang dikaji dan mengelak bias.

HASIL KAJIAN

Bahagian ini membincangkan hasil kajian tentang aspek-aspek keluarga dan penglibatan remaja perempuan dalam delinkuensi. Dalam hal ini, beberapa perkara yang diberi perhatian iaitu status sosio-demografi dan sosio-ekonomi responden dan keluarga, pengalaman bersama keluarga dan pengalaman didera.

Status Sosio Demografi dan Ekonomi

Merujuk kepada Jadual 1, responden kajian berumur antara 15 hingga 18 tahun atau dikategorikan sebagai masih bersekolah atau kanak-kanak mengikut Akta Kanak-Kanak 2001. Jumlah responden mengikut etnik menunjukkan tujuh responden adalah etnik Melayu manakala seorang responden daripada etnik India. Etnik Melayu lebih banyak dilibatkan sebagai responden kerana majoriti penghuni di AAPJ adalah etnik Melayu. Semasa kajian dilakukan, seorang etnik India sahaja yang bersetuju untuk terlibat sebagai responden kajian. Sebanyak empat responden berasal dari kawasan bandar, manakala empat responden lagi berasal dari kawasan luar bandar.

Jadual 1 Profil responden

Responden	Umur (tahun)	Etnik	Tempat tinggal	Tahap Pendidikan	Bil. adik beradik (orang)	Ked. dalam adik-beradik	Kesalahan
A	16	Melayu	Luar bandar	Ting. 1	4	Pertama	Dadah
B	15	Melayu	Bandar	Ting. 2	8	Kedua	Dadah
C	18	India	Bandar	Ting. 4	1	Tunggal	Tidak terkawal
D	16	Melayu	Luar bandar	Ting. 2	5	Kelima	Dadah
E	16	Melayu	Luar bandar	Ting. 2	4	Keempat	Lari dari rumah
F	17	Melayu	Bandar	Ting. 3	4	Ketiga	Dadah
G	17	Melayu	Luar bandar	Ting. 3	8	Ketiga	Dadah
H	15	Melayu	Bandar	Ting. 2	7	Ketujuh	Tidak terkawal

Berdasarkan Jadual 1, tahap pendidikan responden yang paling tinggi ialah tingkatan empat, dan majoriti responden hanya bersekolah setakat tahap menengah rendah. Merujuk kepada bilangan adik beradik, tiga responden mempunyai empat orang adik-beradik dan dua responden mempunyai lapan orang adik-beradik. Dua responden masing-masing mempunyai lima dan tujuh orang adik beradik. Terdapat seorang responden adalah anak tunggal. Kedudukan responden dalam adik beradik menunjukkan dua responden adalah anak ketiga. Enam responden lagi masing-masing anak tunggal, anak pertama, anak kedua, anak keempat, anak kelima dan anak ketujuh. Hasil temubual mendapati kes dadah menjadi jenis kesalahan yang paling banyak disabitkan ke atas responden. Jenis kesalahan tidak terkawal dilaporkan oleh dua responden (C dan H). Manakala seorang responden (E) ditangkap atas kesalahan lari dari rumah.

Merujuk kepada Jadual 2, umur ibu responden adalah antara 33 tahun hingga 55 tahun, manakala umur bapa responden antara 41 hingga 62 tahun. Tahap pendidikan ibu bapa responden yang paling tinggi ialah Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Daripada aspek pendapatan, majoriti ibu bapa responden berpendapatan RM1,000.00 dan ke bawah (Jadual 2).

Jadual 2 Profil keluarga

Responden	Umur Ibu (tahun)	Umur Bapa (tahun)	Pendidikan Ibu	Pendidikan Bapa	Anggaran Pendapatan (sebulan)
A	33	59	Tingkatan 2	SRP	RM800.00
B	37	41	SRP	SPM	RM2500.00
C	47	49	SPM	SPM	RM3000.00
D	53	55	Sekolah rendah	SRP	RM600.00
E	51	58	Tingkatan 1	Sekolah rendah	RM500.00
F	44	49	SRP	SPM	RM1,000.00
G	39	44	SPM	SPM	RM800.00
H	55	62	SRP	SRP	RM1,000.00

Berdasarkan Jadual 3, status perkahwinan ibu bapa responden menunjukkan lima daripada lapan responden mempunyai ibu dan bapa yang sudah bercerai. Namun daripada lima responden itu, dua ibu responden berkahwin semula. Ibu responden A misalnya berkahwin semula dengan lelaki lain dan menjadi isteri kedua. Manakala ibu responden E berkahwin semula dengan lelaki lain tetapi bercerai sekali lagi. Kelima-lima responden ini tinggal bersama ibu. Hanya tiga responden mempunyai ibu bapanya yang masih kekal dalam perkahwinan.

Jadual 3 Status perkahwinan ibu bapa

Responden	Status kahwin
A	Bercerai, ibu kahwin lain sebagai isteri kedua/ poligami
B	Berkahwin, bapa mempunyai dua isteri/ poligami
C	Berkahwin
D	Berkahwin
E	Bercerai, ibu kahwin lain tetapi bercerai lagi
F	Bercerai
G	Bercerai
H	Bercerai, rujuk dan bercerai semula

Pengalaman Bersama Keluarga

Bahagian ini menjelaskan pengalaman responden bersama keluarga terutamanya daripada aspek keadaan hubungan responden dengan ibu bapa, perasaan responden semasa berada di rumah, kawalan sosial dan penglibatan keluarga dalam jenayah. Semua responden memberitahu mereka mempunyai hubungan yang kurang mesra dengan ibu bapa. Ada responden yang lebih rapat dengan kakak atau abang berbanding dengan ibu atau bapa. Mereka hanya bercakap dengan ibu atau bapa apabila ada perkara penting yang hendak dibincangkan. Responden dan ibu bapa lebih suka membuat hal masing-masing. Bagi kes responden yang dirujuk oleh ibu bapa kerana tidak terkawal melahirkan rasa tidak puas hati kerana menghantar mereka ke AAPJ. Mereka menyimpan dendam dan menunjukkan reaksi benci apabila berbicara tentang ibu bapa mereka.

Maklum balas daripada responden menunjukkan semua responden tidak selesa apabila berada di rumah. Keadaan ini mendorong mereka untuk mengelak daripada kerap berjumpa dengan ibu bapa mereka semasa di rumah. Perasaan kurang selesa juga menyebabkan mereka suka keluar rumah untuk berjumpa kawan-kawan. Antara punca mereka berasa kurang selesa ialah ibu bapa yang terlalu tegas, selalu mengarahkan untuk melakukan kerja-kerja rumah dengan alasan "setinggi mana pun belajar, ke dapur juga akhirnya", dan ibu yang suka berleter. Hasil kajian menunjukkan empat responden (C, D, E dan F) mempunyai ibu bapa yang masih mengenakan kawalan terhadap anak-anak, sentiasa menegur dan memberi nasihat kepada anak-anak. Keempat-empat responden memberitahu, ibu bapa menasihati mereka daripada segi berpakaian dan bertingkah laku, berkawan, melarang keluar malam dan mengingatkan tentang ibadat. Walaupun ibu bapa sentiasa memberi nasihat, semua responden mengakui bahawa mereka bersikap 'acuh tidak acuh' dengan nasihat tersebut.

Berdasarkan temubual, empat responden (A,B,G dan H) mempunyai ibu bapa yang kurang mengawal mereka. Bagi responden A misalnya, ibu beliau tidak mengambil berat jika beliau ingin keluar dan balik lewat malam. Perkara yang penting ialah ibunya mendapat duit setiap bulan. Responden A bekerja sebagai pelayan di kelab malam dan juga mempunyai *sugar dady*. Manakala dua responden meluahkan bahawa ibu bapa tidak mengambil berat dan membiarkan mereka keluar malam atau tidak balik langsung ke rumah kerana mempunyai masalah dalam perkahwinan. Ibu bapa mereka juga kurang memberi komitmen dalam hal-hal personal anak-anak mereka. Mereka kurang mengambil berat tentang diri dan perkembangan pendidikan anak-anak dan kurang meluangkan masa bersama anak-anak. Tiga daripada enam responden menyatakan ibu bapa mereka terlalu mementingkan wang sehingga mengabaikan tanggungjawab kepada anak-anak. Mereka jarang berjumpa dengan ibu bapa mereka kerana masing-masing sibuk bekerja.

Majoriti responden memberi reaksi negatif tentang komitmen ibu bapa terhadap pelajaran mereka. Ibu bapa mereka kurang mengambil tahu tentang pencapaian anaknya di sekolah. Mereka jarang bertanya tentang kerja sekolah dan penglibatan anak-anak dalam aktiviti ko-kurikulum. Misalnya menurut responden B, sikap ibu bapa yang kurang mengambil berat mendorong beliau untuk menipu. Beliau sering memberi alasan pulang lewat dari sekolah kerana menghadiri kelas tambahan atau aktiviti ko-kurikulum. Beliau juga berpeluang untuk ponteng sekolah atau melakukan sesuatu perkara di luar pengetahuan ibu bapa mereka. Selain itu, terdapat ibu bapa yang tidak datang ke sekolah apabila dipanggil oleh pihak sekolah atas kesalahan anak-anak mereka. Menurut responden H, ibunya bersikap lepas tangan dan tidak mahu bertanggungjawab atas permasalahan mereka di sekolah. Ibunya memberitahu bahawa dia malu untuk berjumpa guru-guru kerana anaknya mempunyai perilaku yang tidak baik.

Berdasarkan temubual, empat responden (A,B,D dan G) mempunyai ahli keluarga yang juga terlibat dengan jenayah. Tiga daripada empat responden mempunyai adik beradik yang pernah mengambil dadah, mencuri, pecah rumah, ragut dan merempit. Seorang daripada responden (B) mengakui dia banyak belajar daripada abangnya teknik-teknik mencuri kenderaan dan pecah rumah. Beliau juga belajar mengambil dadah daripada abangnya. Seorang responden (E) bersama kakaknya menyertai 'mat rempit' dan pernah menjadi perempuan taruhan dalam lumba haram. Seorang responden (A) lagi mempunyai ayah yang dijatuhi hukuman rogol dan kini menjalani hukuman di penjara.

Pengalaman Didera

Kajian ini mendapati lima responden pernah mengalami pengalaman didera semasa zaman kanak-kanak (Jadual 4). Empat responden (B, D, E dan G) didera secara fizikal manakala responden A didera secara seksual. Penderaan fizikal berlaku dalam bentuk dipukul, ditampar dan disepak. Responden yang didera secara fizikal menganggap perbuatan tersebut sebagai kejam. Mereka menyimpan perasaan marah, dendam, sedih dan kecewa. Pengalaman tersebut menyebabkan emosi mereka tertekan, berasa tidak berguna dan tidak disayangi. Keadaan ini secara tidak langsung mempengaruhi mereka untuk melakukan tindakan delinkuensi. Misalnya Responden A telah terlibat dengan aktiviti seksual seperti menjadi pelayan di kelab malam dan mempunyai *sugar daddy*. Beliau menjelaskan bahawa pengalaman didera secara seksual seawal usia 11 tahun oleh bapa sendiri menyebabkan beliau tidak lagi menyayangi dirinya dan mengambil keputusan bekerja dalam aktiviti seksual. Malah pekerjaan tersebut memberi pulangan yang tinggi dan mampu memenuhi keinginan materialistik. Tambahan lagi, usia yang masih muda menjadi tarikan golongan lelaki. Namun, jauh di sudut hati kecil beliau menyatakan bahawa berasa tertekan dan sering dihantui oleh pengalaman tersebut. Salah satu cara untuk menghilangkan perasaan yang tertekan dan trauma ialah dengan mengambil dadah.

Jadual 4 Pengalaman didera

Responden	Jenis penderaan	Pelaku	Reaksi	Perasaan (emosi)
A	Seksual	Bapa	Marah, berdendam	Tertekan, Trauma
B	Fizikal	Ibu, abang	Marah, sedih	Berasa tidak berguna, tidak disayangi
D	Fizikal	Ibu, bapa, abang	Marah, sedih,	Tertekan, berasa tidak adil
E	Fizikal	Ibu, bapa	Sedih, kecewa	Berasa tidak disayangi
G	Fizikal	Ibu, abang, kakak	berdendam	Berasa tidak berguna dan disayangi

PERBINCANGAN

Kajian ini bermula dengan meneliti latar sosial responden merangkumi umur, etnik, tempat tinggal, struktur keluarga, tahap pendidikan responden dan ibu bapa, status perkahwinan ibu bapa, dan status sosio ekonomi keluarga serta kesalahan jenayah yang disabitkan dengan kemasukan ke AAPJ. Kajian mendapati majoriti responden berumur dalam lingkungan 15 tahun hingga 18 tahun. Peringkat umur ini sering dikaitkan dengan tahap '*storm and stress*' iaitu satu tahap di mana remaja mudah berasa kecewa dan ketidakstabilan emosi. Bagi Erikson (1968), peringkat umur ini adalah peringkat perkembangan psikososial identiti berlawanan dengan kekeliruan identiti. Mereka perlu menangani setiap krisis psikologikal untuk mengelak daripada kecelaruan dan konflik identiti.

Hasil kajian menunjukkan etnik Melayu mendominasi bilangan mereka yang terlibat dalam delinkuensi. Situasi ini juga sama dengan kajian yang dilakukan oleh Mohamad Nasir dan Noreha (2002) dan Rokiah (2000). Umum mengetahui bahawa dalam mana-mana kes masalah sosial, remaja daripada etnik Melayu lebih banyak terlibat berbanding remaja daripada etnik lain seperti Cina dan India. Perangkaan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga menunjukkan hal yang sama. Penglibatan ramai remaja Melayu dalam delinkuensi mungkin berdasarkan majoriti masyarakat Malaysia adalah etnik Melayu.

Berdasarkan dapatan kajian, majoriti responden adalah daripada keluarga yang berpendapatan rendah. Penglibatan dalam pekerjaan ini menawarkan pendapatan yang sedikit dan tidak cukup untuk menampung keperluan keluarga. Hasil temubual menunjukkan ada responden yang bekerja untuk menampung kehidupannya. Namun, pekerjaan yang mereka lakukan adalah pekerjaan yang berbentuk sampingan dan tidak formal. Pendapatan yang diperoleh adalah tidak tetap.

Aspek latar sosial responden yang turut dikaji ialah struktur keluarga dan status perkahwinan ibu bapa. Penemuan kajian menunjukkan kebanyakan responden mempunyai bilangan adik beradik antara empat hingga lapan adik beradik dan ibu bapa yang bercerai. Dua aspek tersebut sangat signifikan dan mempunyai hubungan dengan penglibatan responden dalam delinkuensi. Hasil kajian ini selari dengan beberapa dapatan kajian sebelum ini seperti yang diperoleh oleh Vanassche et al. (2013) dan Ikäheimo, Laukkanen, Hakko dan Räsänen (2013). Ikäheimo et al. (2013) mendapati remaja daripada keluarga tunggal, rumah jagaan kanak-kanak dan remaja yang tidak tinggal dengan kedua-dua ibu bapa biologiikal mereka berisiko untuk terlibat dengan jenayah pada usia yang masih muda berbanding rakan-rakan mereka yang tinggal bersama ibu bapa. Tambah mereka lagi, persekitaran keluarga yang tidak stabil dan selamat memberi implikasi terhadap kesihatan mental remaja seterusnya mendedahkan mereka kepada delinkuensi. Kajian oleh Vanassche et al. (2013) pula menunjukkan remaja daripada keluarga tunggal dan keluarga tiri terdedah dengan tingkah laku delinkuen dan pengambilan alkohol sejak usia muda.

Remaja yang mempunyai keluarga bermasalah lebih mudah terdedah dengan tingkah laku delinkuensi ekoran daripada kurangnya kawalan sosial oleh ibu atau bapa. Menurut Matsueda dan Heimer (1987), keluarga tunggal kurang memantau dan mengawal aktiviti anak-anak. Bagi Agnew (1991), anak-anak daripada keluarga bermasalah cenderung mempunyai disiplin yang tidak konsisten. Akibat kurangnya kawalan, pemantauan dan disiplin yang lemah mendedahkan anak-anak dengan subbudaya tempatan iaitu budaya yang mengalakkan mereka terlibat dalam delinkuensi. Berdasarkan teori *social disorganization*, masalah delinkuensi adalah impak daripada kegagalan institusi sosial seperti kegagalan keluarga menanam nilai-nilai baik yang diterima oleh masyarakat kepada anak-anak dan memberi kawalan sosial yang berkesan.

Kajian ini mendapati hubungan ibu bapa dengan responden adalah kurang mesra atau tidak akrab. Ibu bapa mereka juga kurang menunjukkan minat atau komitmen terhadap diri dan pelajaran responden. Hubungan yang kurang mesra dan kurangnya komitmen terhadap anak-anak boleh melebarkan jarak hubungan sehingga membuatkan anak-anak semakin menjauhkan diri, menyembunyikan masalah dan bercakap bohong dengan ibu bapa. Dapatan kajian ini selari dengan teori kawalan sosial yang dikemukakan oleh Hirschi (1969). Menurut beliau lagi tingkah laku delinkuen dapat disekat sekiranya wujud hubungan yang mesra antara ibu bapa dengan anak-anak. Hubungan tersebut dianggap mampu menghalang anak-anak daripada melanggar undang-undang atau norma-norma masyarakat. Hubungan yang akrab atau mesra juga dapat membentuk komitmen dan kepercayaan dalam diri seseorang anak bahawa sesuatu tingkah laku yang menyimpang akan memberi implikasi buruk kepada diri sendiri.

Selain hubungan dengan ibu bapa, remaja juga terdedah dengan delinkuensi sekiranya mempunyai ahli keluarga yang turut terlibat dalam jenayah. Hasil kajian menunjukkan, sebahagian responden mempunyai ahli keluarga yang turut terlibat dalam jenayah. Situasi ini secara tidak langsung mempengaruhi tingkah laku responden sepertimana yang dinyatakan dalam teori pembelajaran sosial. Teori ini mencadangkan bahawa kanak-kanak yang membesar dalam rumah yang mempunyai keganasan atau jenayah menyebabkan mereka belajar untuk mempercayai bahawa sesetengah tingkah laku diterima dan dihargai (Siegel & Senna, 2000). Kanak-kanak akan meniru tingkah laku berdasarkan reaksi yang diterima daripada orang lain sama ada positif atau negatif terutama sekali tingkah laku orang dewasa yang ada hubungan yang rapat dengan mereka. Misalnya, kajian ini mendapati beberapa responden melihat kakak/abang melakukan jenayah dan kegiatan itu memberi keseronokan kepada pelaku. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat beberapa aspek keluarga yang mempengaruhi tingkahlaku delinkuen remaja perempuan seperti status sosioekonomi yang rendah, ibu bapa yang bercerai, hubungan dengan ibu bapa yang tidak mesra dan perasaan tidak selesa apabila berada di rumah. Pengalaman didera semasa bersama keluarga turut menyumbang kepada penglibatan responden dalam delinkuensi.

LIMITASI KAJIAN

Walaupun hasil kajian ini menunjukkan masalah delinkuensi remaja perempuan terhasil daripada keadaan keluarga yang bermasalah, namun kajian ini mempunyai beberapa limitasi yang perlu diberi perhatian untuk kajian seumpamanya pada masa akan datang. Kajian ini adalah terhad kepada beberapa perkara seperti jumlah responden yang kecil, latar belakang sosioekonomi keluarga yang dipilih majoritinya daripada keluarga berpendapatan rendah, melibatkan elemen subjektif seperti persepsi, daya ingatan responden, dan kejujuran responden. Sehubungan itu, hasil kajian ini adalah benar dalam konteks suasana sosioekonomi, keluarga dan masyarakat responden. Satu kajian yang lebih besar iaitu melibatkan lebih ramai responden perempuan, latar belakang keluarga daripada pelbagai suasana sosioekonomi dan budaya dicadangkan untuk kajian akan datang bagi mendapatkan data yang lebih berkredibiliti.

KESIMPULAN

Artikel ini telah membincangkan salah satu isu penting yang mula mendapat perhatian para akademik iaitu penglibatan remaja perempuan dalam delinkuensi. Laporan statistik menunjukkan bilangan penglibatan remaja perempuan masih rendah berbanding lelaki, namun jika dianalisis dari segi peratusan menunjukkan semakin ramai remaja perempuan terlibat dengan masalah ini. Ramai remaja perempuan terlibat dengan hubungan seksual tanpa nikah sehingga melahirkan anak. Situasi ini memberi konotasi bahawa remaja perempuan mempunyai gaya hidup yang bebas, dan tidak terkawal. Selain itu, mereka turut terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah sehingga ditempatkan di pusat pemulihan seperti AAPJ. Kajian ini menyumbang kepada pengetahuan iaitu masalah delinkuensi remaja perempuan mempunyai hubungan dengan keadaan keluarga yang berpendapatan rendah, sejarah penderaan fizikal dan/atau seksual, dan hubungan yang kurang mesra antara responden dengan ibu bapa.

RUJUKAN

- Agnew, R. (1991). A longitudinal test of social control theory and delinquency. *Journal of Research in Crime and Delinquency*, 28(2), 126-156.
- Arena, & Hadariah. (2002). Masalah sosial: Penyebab perlakuan jenayah di kalangan remaja. *Persidangan Kebangsaan Kerja Sosial 2002*. Universiti Utara Malaysia, Kuala Lumpur, 13-15 Ogos.
- Barrett, D.E., Song, J., Katsiyannis, A., & Zhang, D. (2015). Females in the juvenile justice system: Influences of delinquency and recidivism. *Journal of Child and Family Studies*, 24(2), 427-433.
- Borduin, C.M., & Ronis, S.T. (2012). Individual, family, peer and academic characteristics of female serious juvenile offenders. *Youth, Violence and Juvenile Justice*, 10(4), 386-400.
- Calhoun, G., Jurgens, J., & Chen, F. (1993). The neophyte female delinquent: A review of the literature. *Adolescence* 28(10): 461-471.
- Chesney-Lind, M., & Shelden, R.G. (1998). *Girls, delinquency and juvenile justice* (2nd Ed.). Belmont: Cengage Learning.

- Chesney-Lind, M., & Shelden, R.G. (2014). *Girls, delinquency and juvenile justice* (4th Ed.). Belmont: Cengage Learning.
- Cohen, D., & Crabtree, B. (2006). *Qualitative Research Guidelines Project*. <http://www.qualres.org/HomeComm-3582.html>.
- De La Rue, L. & Espelage, D.L. (2014). Family and abuse characteristics of gang-involved, pressured-to-join, non gang-involved girls, *Psychology of Violence*, 4(3), 253-265.
- Einstadter, W. & Henry, S. (1995). *Criminology theory: An analysis of its underlying assumptions*. New York: Harcourt Brace.
- Erikson, E.H. (1968). *Identity: Youth and crisis*. New York: Norton.
- Fagan, A.A., & Lindsey, A.M. (2014). Gender differences in the effectiveness of delinquency prevention programs: What can be learned from experimental research? *Criminal Justice and Behavior*, 41(9), 1057-1078.
- Fleisher, M.S. (1998). *Dead end kids: Gang girls and the boys they know*. Madison, WI: University of Wisconsin Press.
- Foy, D.W., Ritchie, I.K., & Conway, A.H., (2012). Trauma exposure, posttraumatic stress, and comorbidities in female adolescent offenders: findings and implications from recent studies. *European Journal of Psychotraumatology*, 3(2012), 1-13.
- Fuei Tien, Mazni Mustafa, & Roslee Abbas. (2002). Hubungan faktor ibu bapa, faktor sekolah dan faktor rakan sebaya dengan perlakuan devian di kalangan remaja: Satu kajian awal di Kota Kinabalu, Sabah. *Persidangan Kebangsaan Kerja Sosial 2002*. Universiti Utara Malaysia, Kuala Lumpur, 13-15 Ogos.
- Goldstein, M. & Heaven, P.C.L. (2000). Perceptions of the family, delinquency, and emotional adjustment among youth. *Personality and Individual Differences*, 29(2000), 1169-1178.
- Harper, G., & Robinson, L. (1999). Pathways to risk among inner-city African American adolescent females: The influence of gang membership. *American Journal of community psychology*, 27(1999), 383-404.
- Hirschi, T. (1969). *Causes of delinquency*. Berkeley: University of California Press.
- Hoyt S. & Scherer D.G. (1998). Female juvenile delinquency: Misunderstood by the juvenile justice system, neglected by social science. *Law and Human Behavior*, 22(1998), 81-107
- Ikäheimo, O., Laukkanen, M., Hakko, H., Räsänen, P. (2013). Association of family structure to later criminality: A population-based follow-up study of adolescent psychiatric inpatients in Northern Finland. *Child Psychiatry & Human Development*, 44(2013), 233-246.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). (2014). <http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=statistik&lang=bm>.
- Kakar, S. (2006). Delinquent Girls. Dalam B. Sims, & P. Preston (Ed.), *Handbook of juvenile justice: Theory and practice* (hlm. 93-107). Boca Raton: Taylor & Francis.
- Katz, R.S. (2000). Explaining girls' and women's crime and desistance in the context of their victimization experiences. *Violence Against Women*, 6, 633-660.
- Loeber, R. & Farrington, D.P. (1998) Never too early, never too late: Risk factors and successful interventions for serious and violent juvenile offenders. *Studies on crime and Crime Prevention*, 7, 7-30.
- Matsueda, R.L., & Heimer, K. (1987). Race, family structure and delinquency: A test of differential association and social control theories. *American Sociological Review*, 52, 826-840.
- Miller, J. (2001). *One of the guys: Girls, gangs and gender*. New York, Oxford University Press.
- Mohamad Nasir Saludin & Noreha Mohamed Yusof. (2002). Strategi menangani gejala sosial: Kajian kes Kuala Lumpur. Dalam Lukman Z. Mohamad (Ed.), *Keluarga, gender dan cabaran sosial di Malaysia* (hlm. 199-217). Kuala Lumpur.
- Paquette, D. (2015, 10 July). More than 80 percent of delinquent girls in some states have endured sexual abuse. *The Washington Post*. <https://www.washingtonpost.com/news/wonk/wp/2015/07/10/more-than-80-percent-of-delinquent-girls-in-some-states-have-endured-sexual-abuse/>.
- Peters, S. & Peters, S. (1998). Violent adolescent females. *Corrections Today*, 28-29.
- Piquero, N. L. & Sealock, M. (2004). Gender and general strain theory: A preliminary test of Broidy and Agnew's gender/GST hypotheses. *Justice Quarterly*, 21, 401-434.
- Regoli, R.M., Hewitt, J.D., & Delisi, M. (2008). *Delinquency in society: Youth crime in the 21st century* (7th Ed.). Boston: McGraw Hill.
- Rokiah Ismail. (2000). Delinkuensi di kalangan penghuni institusi pemulihan. Dalam Abdul Rahman Embong (Ed.), *Negara, pasaran dan pemodenan Malaysia* (hlm. 498-535). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Schmitz, M.F. (2003). Influences of race and family environment on child hyperactivity and antisocial behavior. *Journal of Marriage and Family*, 65, 835-849.
- Siegel, L. & Senna, J. (2000). *Juvenile Delinquency: Theory, practice and law* (7th Ed.). Belmont: Wadsworth.
- Siegel, J., & Williams, L. (2003). The relationship between child sexual abuse and female delinquency and crime. *Journal of Research in Crime and Delinquency*, 40(2003), 71-94.
- Smith, C. & Wincup, E. (2009). Gender and Crime' in C.Hale, K.Hayward, A.Wahidin and E.Wincup (Eds.) *Criminology 2nd Edition*. Oxford: Oxford University Press

- Vanassche, S., Sodermans, A.K., Matthijs, K., & Swicegood, G. (2013). The Effects of family type, family relationships and parental role models on delinquency and alcohol use among Flemish adolescents. *Journal of Child and Family Studies*, 23, 128-143.
- Wells, L.E., & Rankin, J. (1991). Families and delinquency: A meta-analysis of the impact of broken homes. *Social Problems* 38, 17-93.
- Welsh, L.A., Archambault, F.X., Janus, M.D., & Brown, S.W. (1995). *Running for their lives: physical and sexual abuse of runaway adolescents*. New York, NY: Garland.
- Widom, C.S. & Maxfield, M.G. (2001). *An update on the 'cycle of violence'*, National Institute of Justice, US Department of Justice, Washington, DC
- Wong, T. M. L., Slotboon, A-M., & Bijileveld, C. C. J. H. (2010). Risk factors for delinquency in adolescent and young adult females: A European review. *European Journal of Criminology*, 7, 266-284.
- Zahn, M.A., Agnew, R., Fishbein, D., Miller, S., Winn, D., Dakoff, G., Kruttschnitt, C., Giordano, P., Gottfredson, D.C., Payne, A.A., Feld, B.C. & Chesney-Lind, M. (2010). *Understanding and responding to girls' delinquency: Causes and correlates of girls' delinquency*. <https://www.ncjrs.gov/pdffiles1/ojdp/226358.pdf>.
- Utusan Malaysia. (2011). *152,182 orang anak luar nikah 2008-2010*. Diambil daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1116&pub=utusan_malaysia&sec=Parlimen&pg=pa_03.htm&arc=hive (16 November 2011).